

11 JUL 2003

Abdullah-Mahathir/I

HANYA DR MAHATHIR SENDIRI TENTUKAN SAMA ADA BERUNDUR ATAU TIDAK

Oleh: Hafizah Kamaruddin

TOKYO, 11 Julai (Bernama) -- Hanya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri yang akan menentukan sama ada ingin terus kekal sebagai Perdana Menteri atau berundur seperti dirancangan pada Oktober ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Dr Mahathir telah membuat komitmen (untuk berundur), namun jika ada ruang untuk beliau menukar fikiran, itu terpulang kepadanya dan hanya beliau yang tahu," kata Timbalan Perdana Menteri kepada satu soalan daripada seorang wartawan Jepun pada pertemuannya dengan media di Kelab Akhbar Kebangsaan di sini hari ini.

Abdullah berada di sini sejak semalam untuk lawatan rasmi tiga hari atas jemputan kerajaan Jepun.

Ini adalah pertama kali Abdullah menemui media Jepun dan antarabangsa, walaupun sebelum ini, selaku Menteri Luar, beliau telah dua kali berjumpa mereka.

Beliau berkata bahawa sebelum Dr Mahathir mengumumkan hasratnya untuk berundur daripada politik dan sebagai perdana menteri pada Perhimpunan Agung Umno tahun lepas, Dr Mahathir tidak membincangkan hal itu dengannya ataupun membincangkan mengenai keputusannya (Dr Mahathir) melantik beliau (Abdullah) sebagai pengganti.

"Beliau telah membuat keputusannya dan saya akur," kata Abdullah yang akan mengambil alih jawatan itu pada November ini.

Semasa dialog dengan media itu, Abdullah mengulangi pendirian Malaysia berhubung isu-isu seperti hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat selepas peperangan di Iraq, penahanan pemimpin pembangkang Myanmar Aung San Suu Kyi, perjanjian perdagangan bebas Jepun-Malaysia dan pasaran bon Asia.

Mengenai hubungan dengan Amerika, beliau menjelaskan bahawa Malaysia bukannya anti-Washington tetapi tidak bersetuju dengan tindakan pentadbiran Presiden Bush untuk menyerang Iraq tanpa mendapat persetujuan Bangsa-bangsa Bersatu.

"Sebagai sebuah negara merdeka, Malaysia berhak menyuarakan pendapatnya, dan sebagai sebuah negara demokratik, Amerika Syarikat akan faham," kata Abdullah.

-- BERNAMA

HK AHH MAI